



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**
www.ijlgc.com



ULUN ANTUNG (PEMIMPIN) DAN PERANANNYA DALAM ORGANISASI SOSIAL MASYARAKAT MURUT TAHOL

ULUN ANTUNG AND ITS' ROLE IN SOSIAL ORGANISATION OF MURUT TAHOL

Abd Hakim Mohad^{1*}, Ros Aiza Mohd Mokhtar^{2*}, Saifulazry Mokhtar^{3*}, Azmin Pullong⁴, Azman Che Mat⁵

- ¹ Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: abdhakim@usim.edu.my
 - ² Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia
Email: rosaiza@usim.edu.my
 - ³ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my
 - ⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: azminpullong@uitm.edu.my
 - ⁵ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Terengganu, Malaysia
Email: azman531@uitm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.03.2023
Revised date: 16.04.2023
Accepted date: 31.05.2023
Published date: 06.06.2023

To cite this document:

Mohad, A. H., Mokhtar, R. A. M., Mokhtar, S., Pullong, A., & Che Mat, A. (2023). Ulun Antung (Pemimpin) Dan Peranannya Dalam Organisasi Sosial Masyarakat Murut Tahol. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 309-321.

DOI: 10.35631/IJLGC.832024.

Abstrak:

Ulun Antung atau pemimpin masyarakat Murut Tahol mempunyai peranan yang besar dalam organisasi sosial mereka. Peranan tersebut bukan sahaja menyentuh soal politik, tetapi juga meliputi aspek ekonomi, sosial dan budaya. Makalah ini akan menyentuh tentang Ulun Antung dan beberapa aspek yang mempunyai kaitan dengan kepemimpinan masyarakat Murut Tahol seperti pahun (rumah panjang) dan persanakan. Hal ini penting agar kita dapat memahami kedudukan sebenar Ulun Antung dalam masyarakat ini. Makalah ini ditulis sebagai usaha bagi menambah koleksi khazanah budaya masyarakat tradisional Sabah. Maklumat atau data yang diperoleh adalah hasil kajian literatur, dan kajian lapangan yang dilakukan penulis di daerah Tenom, khususnya di Kampung Alutok, Ulu Tomani. Maklumat yang terdapat dalam makalah ini adalah bersifat khusus kepada masyarakat Murut Tahol di kawasan kajian sahaja. Moga makalah ini dapat memberikan ilmu dan manfaat khususnya kepada pencinta budaya dan generasi muda.

Kata Kunci:

Murut Tahol, Pemimpin, Tradisional, Sosial, Sabah

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstract:

Ulun Antung or the leader of the Murut Tahol community has a major role in their social organization. The role does not only touch on political issues, but also covers economic, social and cultural aspects. This paper will discuss on Ulun Antung and some aspects related to the leadership of the Murut Tahol community such as pahun (longhouse) and persanakan. This is important so that we can understand the position of Ulun Antung in this society. This paper was written as an effort to add to the collection of cultural documentation of traditional Sabah society. The information or data obtained in this writing is base on a literature review, and a field study conducted by the author in the Tenom district, particularly in Kampung Alutok, Ulu Tomani. The information contained in this paper is specific to the Murut Tahol community in the study area only. May this paper be able to provide knowledge and benefit especially to the academics, society, and the younger generation.

Keywords:

Murut Tahol, Leadership, Traditional, Social, Sabah.

Pengenalan

Aspek kepemimpinan masyarakat tradisi adalah antara subjek yang menarik perhatian pengkaji sosial. Hal ini kerana peranan kepemimpinan mereka lebih luas dan meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuklah yang berkaitan dengan adat dan budaya. Ulun Antung atau Orang Tua merupakan ketua kepada masyarakat Murut Tahol. Ulun Antung menggalas tanggungjawab yang besar dalam kehidupan masyarakat ini terutamanya dalam memimpin organisasi sosial masyarakatnya. Makalah ini akan membincangkan tentang Ulun Antung dan peranannya dalam kepemimpinan masyarakat Murut Tahol di Sabah, serta perkembangan yang berlaku berkaitan hal kepemimpinan masyarakat ini.

Umum mengetahui bahawa aspek kepemimpinan sangat penting dalam sistem sosial sesebuah masyarakat. Kepentingannya lebih jelas kelihatan dalam masyarakat tradisional seperti Murut Tahol. Umumnya, pemimpin berfungsi memimpin masyarakatnya agar mempunyai hala tuju atau matlamat tertentu. Bagi masyarakat tradisional skop kepimpinan ini lebih besar serta merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuklah dalam hal berkaitan adat dan budaya masyarakatnya. Justeru lazimnya pemimpin tradisional amat dihormati dan dipatuhi. Sebelum kita melanjutkan perbincangan, elok juga kita menyentuh sedikit latar belakang masyarakat ini. Hal ini penting kerana ia dapat membantu kita untuk memahami subjek yang dibincangkan dalam konteks yang betul. Hal ini kerana aspek kepemimpinan masyarakat tradisional agak berbeza dengan masyarakat moden (Tarsat Mosli, 2007).

Metodologi Kajian

Makalah ini dituliskan berdasarkan penyelidikan kualitatif yang dijalankan di Daerah Tenom, Sabah. Data dikutip menerusi kaedah pemerhatian ikut serta yang dijalankan pada 2003 hingga 2010; dan juga sesi temu bual dengan informan penting. Data dianalisis dengan menggunakan kaedah diskriptif interpretif. Sebahagian besar maklumat yang dinyatakan dalam tulisan ini adalah hasil temu bual penulis dengan Antikoh Lituan (70 Tahun), seorang Ahli Jawatankuasa Mahkamah Anak Negeri, Tenom. Beliau merupakan antara pakar rujuk dalam kajian yang berkaitan masyarakat Murut Tahol. Selain itu Ketua Kanpung Alutok bernama Lokowon Antahai (65 Tahun) juga menjadi informan penting untuk penulisan ini.

Latar Belakang Murut Tahol

Masyarakat Murut Tahol dikatakan berasal dari Sungai Tahol yang terletak di Pensiangan, Sabah. Mereka memperkenalkan diri mereka sebagai Ulun Tahol yang bermaksud orang Tahol. Berdasarkan kepada tulisan-tulisan awal yang dibuat sekitar akhir 1800an menunjukkan bahawa masyarakat Murut Tahol telahpun tinggal di lembah sungai Padas pada masa itu (Harris, 1990:39; Harrisson, 1967:111).

Mereka bertutur menggunakan bahasa sendiri yang termasuk dalam keluarga bahasa Murutik yang dipertuturkan secara meluas di bahagian Barat Daya Sabah termasuk dalam pentadbiran Daerah Keningau, Tenom, Sipitang, Pensiangan, Merotai, Tawau serta melewati sempadan Indonesia di Borneo. Selain itu, ia juga dipertuturkan di kawasan Beaufort, Tawau dan Kinabatangan. Menurut Spitzack (1984:189) rumpun bahasa Murutik di Sabah meliputi dua belas bahasa iaitu Gana, Keningau (dialek Apin-Apin Kujiau, Dusun-Murut, Ambual, Nabai), Timugon, Beaufort, Bookan (dialek Bookan dan Tangara), Paluan (dialek Paluan dan Pandawan), Sumambu/ Tagal (Pensiangan, Salalir, Rundum, Tomani dan Maligan), Kolod, Selungai, Sembakung, Kalabakan dan Serudung. Bahasa Murut Sumambu/ Tagal diklasifikasikan sebagai rumpun bahasa Murutik terbesar pada tahun 1980 dengan jumlah penutur seramai 13,000-14,000 orang (Spitzack,1984:157).

Jumlah tersebut telah bertambah kepada 30,000 orang pada tahun 1990 (Harris, 1990). Masyarakat ini mendapat perhatian ramai pengkaji bahasa termasuklah Rutter (1929), Harrisson (1946), Prentice (1971). Kajian yang mereka jalankan meliputi aspek fonologi, tatabahasa, ortografi dan leksikologi (Spitzack, 1984:158).

Dari segi penempatan, masyarakat ini tinggal di kawasan tanah tinggi berhutan tebal. Keadaan ini menyebabkan mereka agak terasing dengan masyarakat lain dan sukar dihubungi kerana faktor jalan perhubungan yang sukar. Pada zaman dahulu, keterasingan ini memberi kelebihan kepada mereka dalam menjalankan amalan memburu kepala atau antaboh yang diwarisi sejak turun temurun. Mereka dikatakan kerap menyerang kampung-kampung berdekatan untuk tujuan tersebut (Harris, 1990:41).

Selain daripada keterasingan, amalan antaboh juga membuatkan penempatan rumah panjang sangat penting kepada masyarakat Murut Tahol. Ia bukan sekadar rumah kediaman biasa, bahkan ia sangat penting bagi penyatuan masyarakatnya ketika berhadapan dengan musuh. Kepentingannya juga dapat dilihat dari segi ekonomi dan amalan kebudayaan tradisi. Masyarakat ini mengamalkan pertanian pindah dengan menanam padi huma sebagai tanaman utama. Dalam masa yang sama mereka juga menanam tanaman sampingan yang lain seperti jagung dan ubi kayu. Selain itu, mereka juga memburu di hutan berdekatan dan menangkap ikan. Dari segi kepercayaan tradisional pula, asalnya mereka berpegang kepada kepercayaan animisme yang menganggap bahawa semua benda mempunyai semangat tertentu yang boleh mendatangkan kebaikan dan keburukan dalam kehidupan seharian mereka. Kepercayaan inilah yang telah menjadi sumber inspirasi dan motivasi kepada mereka dalam mengamalkan adat antaboh atau memburu kepala. Namun adat ini telah mula ditinggalkan sedikit demi sedikit sejak zaman pemerintahan British North Borneo Chartered Company (Mohad Abd Hakim, 2014).


Pahun (Rumah Panjang) Murut Tahol

Menurut Lokowon Antahai (65 tahun), sebelum tahun 1980an mereka tinggal di rumah panjang tradisi Murut Tahol yang dipanggil pahun. Ia dibina berhampiran dengan Sungai Padas bagi


memudahkan mereka untuk mendapatkan bekalan air. Kawasan tersebut terletak kira-kira 500 meter arah Utara daripada petempatan mereka sekarang. Pahun mempunyai struktur yang ringkas dan mudah. Bentuknya empat segi tepat dan bertiang yang tingginya lebih kurang enam kaki. Dinding dan lantainya diperbuat daripada buluh atau kulit kayu yang diikat kemas menggunakan rotan. Bumbungnya agak tinggi dan diperbuat daripada daun rumbia. Pintu masuk terletak di tengah kedua-dua hujung kiri dan kanan rumah panjang. Setiap rumah panjang mempunyai lebih kurang sepuluh bilik atau sulap serta dilengkapi dengan lansaran dan tempat menyambut tetamu yang dipanggil salah.

Lazimnya mereka membahagikan rumah panjang kepada dua bahagian secara memanjang. Di kedua-dua bahagian tersebut dibuat bilik untuk setiap keluarga yang dipanggil sulap. Setiap sulap dilengkapi dengan dapur kayu yang terletak di bahagian belakang. Manakala di bahagian kiri atau kanan sulap dibina para yang dipanggil banantol yang berukuran lima kaki panjang dan empat kaki lebar dan mempunyai ketinggian 3 kaki dari lantai. Para ini dijadikan tempat tidur. Ruang selebihnya adalah ruang rehat bagi penghuni bilik tersebut.

Pada bahagian tengah rumah panjang pula dibina lansaran iaitu lantai trampolin yang dahulunya digunakan untuk menari dalam upacara menyambut kepala yang baru dipenggal sewaktu antaboh (memburu kepala). Selepas amalan antaboh dihentikan, lansaran digunakan bagi menjalankan aktiviti yang bercorak hiburan seperti tarian yang diiringi dengan nyanyian pinakang. Lazimnya ukuran lantai lansaran adalah lebih kurang 81 kaki persegi, ia dibina di tengah-tengah rumah panjang dengan menggunakan kayu yang dipasang berlapis-lapis secara khusus supaya boleh menganjal.



Rajah 1: Pelan Sisi Rumah Panjang Murut Tahol (Mohad Abd Hakim, 2012).



Rajah 2: Pelan Lantai Rumah Panjang Murut Tahol (Mohad Abd Hakim, 2012).

Rumah panjang bukan sekadar menjadi tempat tinggal semata-mata. Ia menjadi tempat yang mempersatukan mereka sebagai satu komuniti yang berpegang kepada satu budaya. Di sinilah tempatnya untuk mereka berkongsi kegembiraan dan kesedihan. Selain itu, ia juga mempunyai peranan yang tersendiri dalam mencorakkan hidup sehari-hari masyarakat Murut Tahol. Woolley (1962:2) ada menyatakan bahawa rumah panjang mempunyai peranan penting sebagai teras kemasyarakatan peribumi. Rumah panjang ini menjadi pusat aktiviti sosial yang berfungsi sebagai pentas yang memenuhi keperluan kebudayaan mereka serta mempunyai peranan besar dalam aktiviti ekonomi dan pertahanan.

Kebiasaannya penduduk di sesebuah perkampungan Murut Tahol mempunyai pertalian kekeluargaan sejak dari perkampungan itu dibuka. Hal ini kerana mereka lebih selesa membuka kampung bersama ahli keluarga. Justeru institusi kepemimpinan yang terbina bercirikan institusi politik kesukuan yang agak kecil dan hanya terbatas di peringkat kampung sahaja. Justeru, perkampungan mereka terpisah-pisah dan ditadbir secara berasingan sepenuhnya. Hal ini berkait rapat dengan cara hidup mereka yang tinggal dalam kelompok-kelompok kecil dan terpisah dengan kelompok-kelompok lain. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh keadaan geografi di perkampungan mereka yang bergunung-ganang, dipisahkan oleh sungai-sungai yang besar dan berjeram (Lokin Siti Aidah, 52:2002).

Sistem Persanakan Murut Tahol

Oleh sebab masyarakat Murut Tahol mengamalkan sistem kepemimpinan sukuan yang berteraskan hubungan kekeluargaan, justeru penting bagi kita untuk memahami aspek hubungan kekeluargaan masyarakat ini. Perlu dijelaskan di sini bahawa hubungan kekeluargaan bukan sahaja penting sebagai asas dalam hubungan sosial, tetapi juga menjadi asas kepada sistem ekonomi dan politik masyarakatnya. Menurut Harris (1990:46), bagi masyarakat Murut Tahol, persanakan dan persembendaan adalah faktor yang paling banyak mempengaruhi pembentukan kumpulan sosialnya.

Terdapat dua istilah yang digunakan oleh masyarakat Murut Tahol yang menunjukkan kewujudan hubungan persaudaraan antara mereka iaitu ahaka' (adik-beradik) dan pahaka' (saudara). Istilah ahaka' merujuk kepada adik-beradik dari keluarga nuklear yang sama. Mereka semua berhak ke atas harta pusaka yang tinggalkan oleh ibu dan bapa mereka (Harris, 1990:48).

Menurut Harris (1990:48) istilah ahaka' juga membawa maksud sepupu daripada sebelah bapa iaitu anak-anak daripada adik-beradik bapa mereka. Istilah ini tidak digunakan untuk sepupu sebelah ibu. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang memanjangkan penggunaan istilah ini sehingga kepada dua pupu dan tiga pupu. Hal ini menyebabkan perbezaan antara ahaka' dan pahaka' tidak begitu jelas (Harris, 1990:48). Namun demikian fenomena ini tidak berlaku di kampung Alutok.

Manakala pahaka' adalah istilah yang merujuk kepada persaudaraan yang lebih jauh dan bukannya dari keluarga nuklear yang sama, sama ada dari sebelah ibu atau bapa. Ia tidak mempunyai fungsi sebagai satu unit kerjasama dalam pengeluaran makanan (Harris, 1990:49). Dalam sistem persanakan masyarakat Murut Tahol, lelaki dan perempuan yang telah berkahwin dirujuk sebagai ansawo dan apabila dia memperolehi anak dirujuk sebagai sansulapan yang bermaksud keluarga (lazimnya mereka akan diberikan satu bilik di rumah panjang). Apabila kesemua anak mereka berkahwin mereka dirujuk sebagai ansawo ra matuo yang bermaksud suami isteri yang sudah tua. Apabila mereka mempunyai cucu, yang lelaki dirujuk sebagai aki dan yang perempuan dirujuk sebagai aru' (Harris, 1990:47).

Generasi pertama bermula daripada seseorang yang bergelar bapa, dia dirujuk dan dipanggil ama' manakala seseorang yang bergelar emak pula dirujuk dan dipanggil ina'. Kadangkala ama' juga digunakan oleh ego untuk memanggil bapa saudaranya. Generasi pertama di bawah ego dirujuk sebagai anak dan lazimnya dipanggil dengan namanya sahaja. Kadang-kala anak juga digunakan bagi merujuk kepada anak saudara. Bagi generasi yang sama dengan ego pula, dibezakan berdasarkan kepada usia, aka' adalah panggilan untuk adik-beradik yang lebih tua atau sepupu yang lebih tua dan ali' adalah panggilan untuk adik-beradik yang lebih muda atau sepupu yang lebih muda (Harris, 1990:47).

Bagi ibu saudara pula dirujuk sebagai kaminan dan dipanggil inan, manakala bapa saudara dirujuk sebagai kamaman dan dipanggil aman. Kemudiannya semua generasi kedua di atas ego dan seterusnya dirujuk serta dipanggil aki bagi lelaki; dan dirujuk serta dipanggil aru' bagi perempuan. Nama panggilan bagi generasi di bawah ego sama ada yang pertama atau kedua, ditentukan oleh jantina ego. Sekiranya ego adalah lelaki, maka ia memanggil generasi pertama di bawahnya dengan panggilan aman; sekiranya ego adalah perempuan, maka ia dipanggil inan. Sekiranya ego adalah lelaki, maka ia memanggil generasi kedua di bawahnya dengan panggilan aki; jika ego adalah perempuan, maka ia dipanggil aru'. Mengikuti budaya Murut

Tahol, istilah kekeluargaan di atas juga adakalanya digunakan oleh ego ketika memanggil orang lain yang lebih tua daripadanya bagi menunjukkan rasa hormat (Harris, 1990:47).

Menurut Lokowon Antahai (65), ahli keluarga diambil kira dari nisab ibu dan nisab bapa. Semua individu yang mempunyai pertalian darah dianggap mempunyai hubungan kekeluargaan dan diterima sebagai anggota kelompok keluarga berkenaan. Dari segi kedudukan hubungan kekeluargaan pula, kedua-dua pihak sama ada daripada nisab ibu atau nisab bapa mempunyai status yang sama. Ini bermakna mereka mengamalkan sistem keturunan dwisisi di mana mereka boleh menentukan keturunannya dan menerima pusakanya daripada kedua-dua ibunya bapanya.

Dalam perkara yang melibatkan harta pusaka juga menunjukkan keseimbangan antara lelaki dan perempuan. Semua adik-beradik mempunyai hak yang sama dalam mewarisi harta yang ditinggalkan oleh keluarganya seperti tajau (tempayan), gong, tanah dan rumah. Mereka mempunyai beberapa pilihan untuk melakukan pembahagian harta. Lazimnya seorang ketua keluarga iaitu si bapa akan membuat wasiat tentang pembahagian harta sebelum kematiannya. Namun sekiranya dia tidak sempat untuk berwasiat atau hartanya terlalu sedikit untuk dibahagikan, maka hartanya itu diistiharkan sebagai anguaris iaitu harta pusaka yang dimiliki secara bersama oleh semua anak-anaknya. Anak lelaki yang paling tua kebiasaannya akan menjadi pemegang amanah kepada harta tersebut. Cara penggunaan harta pula adalah bergantung kepada persetujuan mereka adik-beradik. Pada kebiasaannya adik yang paling muda (bungsu) akan menggunakan rumah dan kebun bapanya kerana anak yang lebih tua telah memiliki rumah dan kebun sendiri (Harris, 1990:48).

Ulun Antung Sebagai Pemimpin Masyarakat Murut Tahol

Umumnya dalam bahasa Murut Tahol, Ulun Antung bermaksud orang kaya. Menurut Antikoh Lituan (70 tahun), kekayaan dalam konteks masyarakatnya adalah ditandai oleh tajau dan gong yang dimiliki oleh seseorang. Tajau (tempayan) dan gong boleh diperoleh dengan berbagai cara iaitu menerusi pertukaran barang sesama mereka, atau membelinya dengan harga tertentu bergantung kepada jenisnya, atau menerusi berian perkahwinan. Semakin banyak tajau dan gong bernilai tinggi yang dimiliki seseorang maka semakin kayalah dia pada pandangan masyarakat. Justeru, semakin tinggilah kedudukan status sosialnya.

Status ini menjadikan seseorang itu berpengaruh dan berwibawa. Ini kerana menurut kepercayaan tradisi semangat yang ada pada tajau (tempayan) dan gong yang dimiliki seseorang akan meningkatkan keupayaan spiritualnya. Hal ini menyebabkan dirinya dihormati dan disegani. Oleh sebab itu, mereka yang memiliki banyak gong dan tajau disifatkan sebagai berkelayakan untuk menjadi pemimpin atau ketua dalam kalangan mereka.

Walaupun aspek kekayaan itu penting dalam pemilihan Ulun Antung, namun aspek kepimpinan juga amat dititik beratkan oleh masyarakat ini. Dengan perkataan yang mudah, sekadar memiliki kekayaan tajau (tempayan) dan gong sahaja bukan jaminan seseorang itu diangkat menjadi ketua. Ini kerana Ulun Antung memikul tugas yang berat termasuklah bertanggungjawab untuk mendamaikan sebarang pertelingkahan serta menjadi juru bicara bagi pihak penduduk kampungnya. Ulun Antung yang dilantik akan memegang tanggungjawab sebagai ketua dalam tempoh yang tidak ditetapkan. Terdapat dua faktor yang menyebabkan seseorang Ulun Antung itu hilang kelayakan untuk memimpin iaitu sama ada dia meninggal dunia atau uzur dan tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Apabila hal ini berlaku, satu berbincangan akan dibuat bagi memilih pengganti yang sesuai.

Ketua Kampung Sebagai Pemimpin Masyarakat Murut Tahol

Kini gelaran Ulun Antung untuk Ketua Kampung tidak lagi digunakan. Sebaliknya mereka menggunakan panggilan Ketua Kampung sahaja bagi menggantikan gelaran Ulun Antung. Jika dahulu, Ulun Antung dicirikan oleh kekayaan dengan memiliki banyak gong dan tajau (tempayan), kini ciri ini tidak begitu dititikberatkan. Namun demikian tugas dan tanggungjawab pemimpinnya masih sama. Penulis berkesempatan bertemu dengan seorang ketua kampung Alutok bernama Lokowon Antahai (65 tahun). Hidupnya sederhana sahaja. Beliau adalah seorang yang peramah dan mudah mesra, walaupun baru pertama kali berjumpa. Asalnya beliau dilahirkan di Kampung Ulu Talokoson dan kemudiannya mengikut keluarganya berpindah ke kampung Alutok 48 tahun yang lalu.

Melihat pada personalitinya, beliau adalah seorang yang mempunyai karisma dan ciri kepimpinan yang baik. Justeru, beliau amat disenangi oleh anak buahnya. Rekod kepimpinan beliau juga menunjukkan hal yang serupa, di mana beliau telah dipilih sebagai Ketua Kampung sejak tahun 1985 secara sebulat suara. Beliau telah berkhidmat selama lebih 30 tahun. Menurut tradisi masyarakat Murut Tahol seseorang Ketua Kampung itu boleh terus memimpin selama mana dia dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan diterima oleh masyarakatnya. Sekiranya seseorang Ketua Kampung itu ingin berhenti atas sebab-sebab tertentu seperti uzur dan sebagainya, bolehlah dia mengundur diri dan pemilihan ketua yang baru akan diadakan. Lokowon Antahai menyatakan:

”Ketua kampung di sini... orang kampung yang pilih. Mereka yang tentukan siapa yang layak. Kalau sudah kena lantik, dia akan terus jadi ketua selagi tiada masalah, dan orang kampung masih terima dia. Kalau mau berhenti sebab sakit ka..., atau terlampau tua sudah..., barulah orang kampung cari pengganti”.

Menurut Lokowon Antahai Kampung Alutok telah dipimpin oleh tiga orang Ketua Kampung yang dimulai oleh Langup Lingam, Akis dan beliau sendiri. Semua mereka ini bukanlah dari keluarga terdekat seperti hubungan bapa dan anak. Hal ini menunjukkan bahawa, tradisi memilih ketua di kampung ini lebih mengutamakan aspek keupayaan seseorang untuk memimpin masyarakatnya. Mereka dipilih berdasarkan kepada kualiti kepimpinan yang mereka miliki serta diyakini dapat menjalankan tugas menjaga keamanan dan keselamatan anak buahnya serta mempunyai pengetahuan yang luas tentang adat. Di samping itu mereka juga berasal dari keluarga besar yang mempunyai jaringan kekeluargaan yang luas. Bagi masyarakat Murut Tahol, jaringan kekeluargaan yang luas memberikan kelebihan dari segi sumber tenaga kerja yang banyak dan keupayaannya untuk mengadakan majlis-majlis keramaian kampung.

Hal ini berkaitan dengan hirarki kuasa berasaskan perkahwinan yang membolehkan seseorang lelaki itu mengawal jaringannya. Sebenarnya ciri ini hanya terdapat pada masyarakat Murut di mana terdapat hirarki kuasa antara mereka yang mempunyai hubungan perkahwinan. Perlu dinyatakan di sini bahawa, bapa pengantin perempuan (wife giver) adalah lebih berkuasa daripada menantu lelakinya (wife taker). Hal ini kerana seorang lelaki yang memiliki anak perempuan yang sudah berkahwin mempunyai kawalan ke atas menantu lelakinya. Kebiasaannya bapa pengantin perempuan (wife giver) mengekalkan kedudukan kuasanya dan mengawal menantu lelakinya dengan mengenakan pulut (hantaran) yang tinggi (Harris, 1990:57). Oleh sebab masyarakat ini membenarkan bayaran wang hantaran dibuat secara ansuran, maka hantaran yang tinggi menyebabkan menantu lelaki terikat untuk membayarnya

dalam tempoh yang lebih lama. Ada antaranya yang habis membayar hantaran ketika sudah lanjut usia dan mempunyai cucu.

Menurut Sukimin Rukini (56 tahun), Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) daerah Kecil Kemabong, Tenom, dalam konteks hari ini proses penggantian ketua kampung hanya dilakukan apabila ada keperluan iaitu sama ada ketua kampung tersebut meninggal dunia atau tidak mampu lagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Apabila hal ini berlaku, maka masyarakat kampung akan membincangkan hal ini dalam mesyuarat kampung dan mencadangkan nama pemimpin yang diyakini boleh mengambil alih tugas sebagai ketua kampung. Nama yang dicadangkan itu kemudiannya dibawa kepada Jawatankuasa Pentadbiran Luar Bandar Daerah Tenom untuk disahkan.

Seterusnya jawatankuasa ini akan membawanya kepada Majlis Hal Ehwal Anak Negeri untuk disahkan sekali lagi. Majlis ini dipengerusikan oleh Adun Kemabong dan dianggotai oleh Ahli Parlimen Tenom, Ketua Daerah dan Ketua Anak Negeri. Hal ini sedikit sebanyak telah membawa bersama pengaruh politik kepartian dalam pemilihan ketua kampung. Sukimin menyatakan:

“Memanglah, pemilihan ketua kampung sekarang tidak macam dulu lagi. Kalau dulu, orang kampung yang tentukan semuanya, tapi sekarang tidak. Mesti mau dapat pengesahan pihak kerajaan. Pertama, perlu pengesahan Jawatankuasa Pentadbiran Luar Bandar Daerah, bila sudah disahkan di sana, barulah nama tadi dibawa kepada Majlis Hal Ehwal Anak Negeri. Pengerusinya Adun Kemabong, ahli yang lain ialah Ahli Parlimen Tenom, Ketua Daerah dan Ketua Anak Negeri. Bila nama tadi disahkan di sini, barulah sah orang itu jadi ketua kampung. Kalau tidak, orang kampung kena cari orang lain”.

Tidak dapat dinafikan bahawa aspek kepemimpinan masyarakat Murut Tahol bersifat dinamik dan mengalami sedikit sebanyak perubahan sesuai dengan peredaran zaman. Pada masa sekarang pentadbiran Ketua Kampung lebih berstruktur dan kemas berbanding sebelum ini. Selain itu terdapat juga beberapa perubahan dari segi fungsi dan peranan pemimpin Murut Tahol akibat dari perubahan sosial masyarakatnya. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada perubahan tersebut. Antaranya ialah faktor politik dan pemerintahan di Sabah; dan kedatangan agama Kristian. Kedua-dua faktor ini telah menyebabkan Ulun Antung membuat penyesuaian agar kekal relevan.

Ulun Antung di Zaman BNBCC

Umumnya, British North Borneo Chartered Company (BNBCC) tidak menghalang masyarakat tradisional termasuklah Murut Tahol untuk menjalankan sistem keadilan tradisional bagi memelihara adat yang diwarisi sejak turun-temurun. Namun demikian, hal-hal yang berkaitan dengan jenayah perlulah dirujuk kepada pihak BNBCC (Zaleha Sharifah, 1993:55). Bagi memperbaiki pentadbiran sistem keadilan tradisional di Sabah, pihak BNBCC telah menubuhkan Mahkamah Anak Negeri pada 1884 yang mempunyai persamaan dengan peranan yang dimainkan oleh Majlis Kampung. Namun demikian, pelaksanaannya masih terhad di kawasan-kawasan tertentu sahaja seperti di Padas Klias pada tahun 1886 (Osman Sabihah, 1985: 32), dan tidak melibatkan kawasan Murut Tahol di Rundum dan sekitarnya. Ini bermakna pembaharuan yang dilakukan oleh pemerintahan BNBCC berhubung penyusunan sistem keadilan tradisional tidak memberi kesan pada sistem sedia ada yang diamalkan oleh masyarakat Murut Tahol.

Menurut informan, semasa pemerintahan BNBCC mereka menjalankan sistem keadilan tradisional yang diketuai oleh Ulun Antung sebagaimana kebiasaannya; bertujuan untuk memelihara keharmonian hidup semua makhluk termasuklah makhluk yang ghaib.

Ulun Antung Selepas Kedatangan Agama Kristian

Walaupun konsep Ulun Antung sebagai ketua masyarakat Murut Tahol di Kampung Alutok masih lagi wujud, namun dari segi peranannya semakin mengecil apabila masyarakatnya menganut agama Kristian. Kuasa yang ada pada mereka juga bukanlah bersifat mutlak dan tunggal sebagaimana yang pernah dinikmati oleh mereka sebelum itu. Dahulunya Ulun Antung diiktiraf oleh masyarakat sebagai pemimpin tunggal yang mempunyai kuasa mutlak dalam perkara yang berkaitan dengan adat. Namun sekarang ini pengaruh Kristian telah menyebabkan masyarakat juga mengiktiraf pastor sebagai pemimpin mereka di samping Ulun Antung. Tidak dinafikan bahawa dari satu sudut, kewujudan kepimpinan gereja seperti pastor telah menjadi saingan kepada kepimpinan sedia ada (Malinowski, 1983:227). Namun di Kampung Alutok, kita masih dapat melihat kedua-dua pemimpin ini saling bekerjasama untuk memastikan budaya dan agama berjalan seiringan dengan harmoni di tengah-tengah masyarakat. Oleh sebab itu, kedua-dua pemimpin ini akan terlibat sama dalam upacara-upacara tertentu yang berkaitan dengan adat dan budaya seperti pertunangan dan perkahwinan.

Dalam upacara pertunangan contohnya, Ulun Antung masih berperanan sebagai wakil anak buahnya dalam membincangkan hal berkenaan, manakala pastor pula mewakili Mahkamah Anak Negeri untuk mengesahkan perjanjian antara kedua-dua keluarga berkenaan. Selain itu, pastor juga telah diberikan ruang dalam adat Murut Tahol untuk menyampaikan pesanan dan nasihat kepada pasangan yang bertunang; dan memimpin bacaan doa. Perkara seperti ini adalah sesuatu yang baharu kerana sebelum ini kepimpinan Ulun Antung bersifat tunggal dan tidak disaingi oleh sesiapa. Sungguhpun demikian, keadaan ini tidak menimbulkan sebarang bentuk ketidakselesaan dalam kalangan Ulun Antung. Mungkin kerana mereka juga adalah beragama Kristian dan memahami tuntutan hidup beragama.

Dalam upacara perkahwinan pula, peranan pastor adalah lebih jelas lagi, di mana pastor diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan upacara tersebut. Orang tua sekadar pemerhati atau menjadi saksi perjanjian yang ditandatangani. Seterusnya apabila sampai musim menanam padi, pastor jugalah yang diminta untuk melaksanakan upacara pemberkatan bibit padi dan upacara perpuhan di gereja, agar padi mereka mengeluarkan hasil yang lebih baik pada musim akan datang. Sedangkan pada masa dahulu tugas ini terletak dalam bidang kuasa lumahon atau amabas iaitu dengan melaksanakan upacara pemujaan Aru' Kauli (semangat padi) untuk tujuan yang serupa.

Ringkasnya, pastor di Kampung Alutok memainkan dua peranan besar sekaligus iaitu peranan sebagai Ulun Antung dan lumahon atau amabas. Walaupun bukan semua tugas Ulun Antung dipikul oleh pastor secara sendirian, namun peranan yang dimainkan khususnya dalam upacara-upacara penting yang dinyatakan di atas sudah cukup membuktikan penghormatan besar yang diraih oleh mereka daripada masyarakat tempatan, tambahan pula apabila Ulun Antung di sesebuah kawasan itu beragama Kristian dan menjadi ahli gereja berkenaan.

Kini gelaran Ulun Antung untuk Ketua Kampung tidak lagi digunakan. Sebaliknya mereka menggunakan panggilan Ketua Kampung sahaja bagi menggantikan gelaran Ulun Antung. Jika dahulu, Ulun Antung dicirikan oleh kekayaan dengan memiliki banyak gong dan tajau (tempayan), kini ciri ini tidak begitu dititikberatkan. Namun demikian tugas dan

tanggungjawab pemimpinnya masih sama. Penulis berkesempatan bertemu dengan seorang ketua kampung Alutok bernama Lokowon Antahai (65 tahun). Hidupnya sederhana sahaja. Beliau adalah seorang yang peramah dan mudah mesra, walaupun baru pertama kali berjumpa. Asalnya beliau dilahirkan di Kampung Ulu Talokoson dan kemudiannya mengikut keluarganya berpindah ke kampung Alutok 48 tahun yang lalu.

Melihat pada personalitinya, beliau adalah seorang yang mempunyai karisma dan ciri kepimpinan yang baik. Justeru, beliau amat disenangi oleh anak buahnya. Rekod kepimpinan beliau juga menunjukkan hal yang serupa, di mana beliau telah dipilih sebagai Ketua Kampung sejak tahun 1985 secara sebulat suara. Beliau telah berkhidmat selama lebih 30 tahun. Menurut tradisi masyarakat Murut Tahol seseorang Ketua Kampung itu boleh terus memimpin selama mana dia dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan diterima oleh masyarakatnya. Sekiranya seseorang Ketua Kampung itu ingin berhenti atas sebab-sebab tertentu seperti uzur dan sebagainya, bolehlah dia mengundur diri dan pemilihan ketua yang baru akan diadakan. Lokowon Antahai menyatakan:

”Ketua kampung di sini... orang kampung yang pilih. Mereka yang tentukan siapa yang layak. Kalau sudah kena lantik, dia akan terus jadi ketua selagi tiada masalah, dan orang kampung masih terima dia. Kalau mau berhenti sebab sakit ka..., atau terlampau tua sudah..., barulah orang kampung cari pengganti”.

Menurut Lokowon Antahai Kampung Alutok telah dipimpin oleh tiga orang Ketua Kampung yang dimulai oleh Langup Lingam, Akis dan beliau sendiri. Semua mereka ini bukanlah dari keluarga terdekat seperti hubungan bapa dan anak. Hal ini menunjukkan bahawa, tradisi memilih ketua di kampung ini lebih mengutamakan aspek keupayaan seseorang untuk memimpin masyarakatnya. Mereka dipilih berdasarkan kepada kualiti kepimpinan yang mereka miliki serta diyakini dapat menjalankan tugas menjaga keamanan dan keselamatan anak buahnya serta mempunyai pengetahuan yang luas tentang adat. Di samping itu mereka juga berasal dari keluarga besar yang mempunyai jaringan kekeluargaan yang luas. Bagi masyarakat Murut Tahol, jaringan kekeluargaan yang luas memberikan kelebihan dari segi sumber tenaga kerja yang banyak dan keupayaannya untuk mengadakan majlis-majlis keramaian kampung.

Hal ini berkaitan dengan hirarki kuasa berasaskan perkahwinan yang membolehkan seseorang lelaki itu mengawal jaringannya. Sebenarnya ciri ini hanya terdapat pada masyarakat Murut di mana terdapat hirarki kuasa antara mereka yang mempunyai hubungan perkahwinan. Perlu dinyatakan di sini bahawa, bapa pengantin perempuan (wife giver) adalah lebih berkuasa daripada menantu lelakinya (wife taker). Hal ini kerana seorang lelaki yang memiliki anak perempuan yang sudah berkahwin mempunyai kawalan ke atas menantu lelakinya. Kebiasaannya bapa pengantin perempuan (wife giver) mengekalkan kedudukan kuasanya dan mengawal menantu lelakinya dengan mengenakan pulut (hantaran) yang tinggi (Harris, 1990:57). Oleh sebab masyarakat ini membenarkan bayaran wang hantaran dibuat secara ansuran, maka hantaran yang tinggi menyebabkan menantu lelaki terikat untuk membayarnya dalam tempoh yang lebih lama. Ada antaranya yang habis membayar hantaran ketika sudah lanjut usia dan mempunyai cucu.

Menurut Sukimin Rukini (56 tahun), Pemimpin Kemajuan Rakyat (PKR) daerah Kecil Kemabong, Tenom, dalam konteks hari ini proses penggantian ketua kampung hanya dilakukan apabila ada keperluan iaitu sama ada ketua kampung tersebut meninggal dunia atau tidak

mampu lagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Apabila hal ini berlaku, maka masyarakat kampung akan membincangkan hal ini dalam mesyuarat kampung dan mencadangkan nama pemimpin yang diyakini boleh mengambil alih tugas sebagai ketua kampung. Nama yang dicadangkan itu kemudiannya dibawa kepada Jawatankuasa Pentadbiran Luar Bandar Daerah Tenom untuk disahkan.

Seterusnya jawatankuasa ini akan membawanya kepada Majlis Hal Ehwal Anak Negeri untuk disahkan sekali lagi. Majlis ini dipengerusikan oleh Adun Kemabong dan dianggotai oleh Ahli Parlimen Tenom, Ketua Daerah dan Ketua Anak Negeri. Hal ini sedikit sebanyak telah membawa bersama pengaruh politik kepartian dalam pemilihan ketua kampung. Sukimin menyatakan:

“Memanglah, pemilihan ketua kampung sekarang tidak macam dulu lagi. Kalau dulu, orang kampung yang tentukan semuanya, tapi sekarang tidak. Mesti mau dapat pengesahan pihak kerajaan. Pertama, perlu pengesahan Jawatankuasa Pentadbiran Luar Bandar Daerah, bila sudah disahkan di sana, barulah nama tadi dibawa kepada Majlis Hal Ehwal Anak Negeri. Pengerusnya Adun Kemabong, ahli yang lain ialah Ahli Parlimen Tenom, Ketua Daerah dan Ketua Anak Negeri. Bila nama tadi disahkan di sini, barulah sah orang itu jadi ketua kampung. Kalau tidak, orang kampung kena cari orang lain”.

Tidak dapat dinafikan bahawa aspek kepemimpinan masyarakat Murut Tahol bersifat dinamik dan mengalami sedikit sebanyak perubahan sesuai dengan peredaran zaman. Pada masa sekarang pentadbiran Ketua Kampung lebih berstruktur dan kemas berbanding sebelum ini. Selain itu terdapat juga beberapa perubahan dari segi fungsi dan peranan pemimpin Murut Tahol akibat dari perubahan sosial masyarakatnya. Terdapat beberapa faktor yang membawa kepada perubahan tersebut. Antaranya ialah faktor politik dan pemerintahan di Sabah; dan kedatangan agama Kristian. Kedua-dua faktor ini telah menyebabkan Ulun Antung membuat penyesuaian agar kekal relevan.

Kesimpulan

Ulun Antung memainkan peranan yang besar dalam organisasi sosial masyarakat Murut Tahol. Mereka bukan sekadar berfungsi dalam pentadbiran yang bersifat politik, tetapi juga menjadi pemimpin masyarakat yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan seperti adat dan budaya. Sehingga hari ini, peranan Ulun Antung masih penting dalam memimpin masyarakatnya. Kewibawaan Ulun Antung menjadikan kepimpinan mereka dihormati dan dipatuhi. Kesediaan mereka untuk membuat penyesuaian dengan perubahan yang berlaku menjadikan mereka terus diterima dengan baik oleh masyarakatnya. Inilah ciri-ciri kebijaksanaan pemimpin masyarakat peribumi yang harus dijadikan contoh oleh pemimpin masa kini.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Malaysia Sabah yang telah membiayai kajian ini menerusi geran A01010ER/ U072.

Rujukan

- Harris, Annette Suzanne. (1990). The Tagal Murut. Dalam Sherwood (ed.). Social Organization of Sabah Societies. Kota Kinabalu: Sabah Museum.
- Harrisson, Tom. (1967). Ethnological Notes on The Muruts of Sapulut River, Sabah. Journal of the Malayan Branch, Royal Asiatic Society. 40 (1): 111- 129.
- Harrisson, Tom dan Barbara Harrisson. 1971. Monograph of Sabah Society Monograph No. 4.

- Lukin, Siti Aidah. (2002). *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malinowski, Bronislaw. (1983). *Terjemahan Zaharah Ahmad. Dinamika Bagi Perubahan Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohad, Abd. Hakim. (2012). *Perubahan Sosial Masyarakat Murut Tahol di Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohad, Abd Hakim. (2014). *Spiritual Journey of Murut Tahol in Sabah and Its Effect to Their Headhunting Practice*. International Journal of Social Science and Humanity, Vol. 4, No. 6, November 2014.
- Osman, Sabihah. (1985). *Pentadbiran Bumiputera Sabah 1881-1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yaysan Sabah.
- Prentice, D.J. (1965). *Ethnic Groups of Insular South-East Asia: Idahan Murut, Kota Kinabalu: Muzium Sabah (1-32)*.
- Rutter, Owen. (1929). *The Pagans of North Borneo*. London: Hutchinson & Co.
- Sabah (1881-1963). *Thesis Sarjana*. Universiti Malaysia Sabah.
- Spitzack, John. A (ed.). (1984). *The Murutic Language Family. Languages of Sabah: A Survey Report*. Australia: The Australian National University.
- Tarsat, Mosli. (2007). *Sistem Pentadbiran Mahkamah Anak Negeri*. Thesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Zaleha, Sharifah. 1993. *Perubahan dan Kesenambungan Tradisi Undang-Undang Peribumi di Sabah*. Dalam (eds.) Mohamed Salleh Lamry dan Hasan Mat Nor. *Masyarakat dan Perubahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Informan:

- Antikoh Lituan (70 Tahun), Daerah Kecil Kemabong, Tenom.
- Lokowon Antahai (65 tahun), Kampung Alutok, Ulu Tomani, Tenom.
- Sukimin Rukini (56 tahun), Daerah Kecil Kemabong, Tenom.